

17 FEB 1996

LAWATAN DR MAHATHIR KE NEW ZEALAND BUKAN SATU PENGHINAAN

Oleh: Neville D`Cruz

MELBOURNE, 17 Feb (Bernama) -- Pejabat Perdana Menteri Paul Keating hari ini menolak dakwaan Parti Liberal bahawa Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menghina Australia dengan melakukan lawatan ke New Zealand bulan depan tanpa melawat Australia.

Jurucakap Jawatankuasa Hal Ehwil Luar Pembangkang, Alexander Downer dipetik oleh akhbar The Age sebagai berkata bahawa lawatan Dr Mahathir ke New Zealand merupakan "malu yang amat sangat" kepada Keating, yang mengakui kononnya mempunyai hubungan istimewa dengan para pemimpin Asia.

Downer berkata hubungan kerajaan Buruh Australia dengan para pemimpin Asia tidak berapa baik seperti yang didakwa.

"Jika Keating mempunyai hubungan yang baik dengan para pemimpin Asia dan jika para pemimpin Asia terlalu sangat mahu berurusan dengannya, mengapa Dr Mahathir memutuskan untuk menerima jemputan untuk melawat New Australia?"

Jurucakap Keating menolak dakwaan Downer itu sebagai "bodoh."

Katanya, meskipun Keating, yang melawat Malaysia bulan lepas telah mempelawa Dr Mahathir melawat Australia, Perdana Menteri Malaysia itu tidak mungkin akan membuat lawatan balas "begitu segera."

"Kita sering kali ke Singapura tanpa pergi ke Malaysia. Kita juga ke Jakarta tanpa ke Singapura. Ini namanya serantau," jurucakap Keating dipetik oleh The Age.

Downer, yang telah ditewaskan oleh John Howard tahun lalu bagi jawatan pucuk pimpinan Parti Liberal mendapat malu besar minggu lepas apabila dia gagal memberikan nama Perdana Menteri Thailand dalam satu perbahasan di televisyen mengenai dasar luar dengan Menteri Luar, Senator Gareth Evans.

Australia akan mengadakan pilihan raya pada 3 Mac dengan hal-ehwal luar dijangka menjadi isu utama berikutan usaha-usaha Keating untuk rapat dengan Asia manakala parti Liberal dikatakan condong kepada Barat. -- BERNAMA

NC OBA.